

**[THE CONCEPT OF PRACTICING WITH AL-QURAN AND AL-SUNNAH FROM  
 MANHAJ OF HADITH SCHOLARS]**

**KONSEP BERPEGANG KEPADA AL-QURAN DAN AL-SUNNAH MENURUT  
 MANHAJ AHLI HADIS**

AMINUDIN BASIR<sup>1</sup>  
 AKILA MAMAT<sup>2\*</sup>

\*Corresponding author: akila@unisza.edu.my

<sup>1</sup> Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi Malaysia.

<sup>2</sup> Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu.

Received Date: 7 January 2016 • Accepted Date: 28 April 2016

**Abstract**

*Al-Quran (The holy book of Islam) and al-Sunnah (precepts and practice of the Prophet Muhammad) are two primary sources of information for Muslims that explain Akidah and Syariah point of view. The problem occurred when Muslims acclaimed and believed that these two sources are the guidance for them but they are still arguing and in dispute about certain things that lead to different belief of Akidah and Syariah. The questions rose, what is the correct way of practicing with al-Quran and al-Sunnah? This article discusses the real concept of practicing with al-Quran and al-Sunnah from Manhaj (tools, platform) of hadith scholars, those who have the authority and ultimate understanding about the sources. The document analysis method is used to gain the detailed information. The result indicates that the scholars possess clear method to understand al-Quran and al-Sunnah. The research also discovered three (3) main principles in practicing with al-Quran and al-sunnah which are; Al-Quran and al-Sunnah that Jawami' al-Kalim, permanent and perfect and the last one is that lead to knowledge and practice.*

**Keywords:** *Al-Quran, Al-Sunnah, Manhaj, Hadith Scholars.*

**Abstrak**

Al-Quran dan al-Sunnah adalah dua sumber utama pegangan kaum muslimin. Kedua-dua sumber tersebut menjelaskan tentang aspek akidah dan syariah yang perlu dihayati. Permasalahan kini, walaupun semua kaum muslimin mendakwa al-Quran dan al-Sunnah adalah sebagai panduan hidup, namun masyarakat Islam masih terus bercakaran dan bermusuhan sesama sendiri serta wujud pegangan akidah dan syariah yang begitu ketara perbezaannya. Persoalan yang timbul di sini, apakah cara pegangan yang benar dan betul terhadap al-Quran dan al-Sunnah ini? Artikel ini membincangkan konsep berpegang kepada al-Quran dan al-Sunnah menurut manhaj Ahli Hadis, iaitu golongan yang benar-benar berautoriti dan memahami al-Quran dan al-Sunnah. Bagi mendapatkan maklumat secara terperinci, metode analisis dokumen digunakan. Hasil kajian

mendapati Ahli Hadis mempunyai metode memahami al-Quran dan al-Sunnah yang sangat jelas. Kajian ini juga menemui tiga prinsip utama yang terkandung dalam konsep berpegang kepada al-Quran dan al-Sunnah, iaitu al-Quran dan al-Sunnah bersifat Jawami' al-Kalim, al-Quran dan al-Sunnah bersifat tetap lagi sempurna dan yang terakhir ialah al-Quran dan al-Sunnah menghasilkan ilmu dan amalan.

**Kata kunci:** Al-Quran, Al-Sunnah, Manhaj, Ahli Hadis.

**Cite as:** Aminudin Basir & Akila Mamat. 2016. Konsep Berpegang kepada al-Quran dan Al-Sunnah menurut Manhaj Ahli Hadis. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 12(1):48-58.

## PENGENALAN

Al-Quran dan al-Sunnah adalah dua sumber asasi ajaran Islam yang muktamad. Permasalahan aqidah dan syariah diperolehi dari kedua sumber tersebut. Umumnya umat Islam mengaku berpegang kepada al-Quran dan al-Sunnah sebagai sumber ajarannya. Namun persoalan yang lebih penting dan mendasar adalah bagaimana manhaj atau metode seseorang itu berpegang kepada al-Quran dan al-Sunnah. Wujudnya perbezaan manhaj atau metode inilah yang menjadi punca perpecahan, pertelingkahan dan perbalahan dalam kalangan umat Islam yang tidak menampakkan titik hujungnya. Inilah titik singgung yang perlu diberi perhatian penting. Justeru itu memandangkan kepada kepentingan persoalan manhaj atau metode inilah maka penulisan ini cuba meninjau konsep berpegang kepada al-Quran dan al-Sunnah menurut pandangan Ahli Hadis. Ini kerana Ahli Hadis diakui sebagai golongan yang berwibawa dalam amalan dan kefahaman mereka terhadap al-Quran dan al-Sunnah seperti al-Syafie, al-Auzai'y, Sufyan al-Thawri dan lain-lain. Maka sudah pasti konsep pegangan mereka perlu dikaji dan ditelusuri dengan bersungguh-sungguh dan cermat.

## PENGERTIAN MANHAJ DARI SUDUT BAHASA DAN ISTILAH

Menurut Ibn Manzur (1964: 206), manhaj atau minhaj dari sudut bahasa Arab membawa maksud jalan yang terang dan jelas. Dari sudut istilah pula ia dapat dilihat melalui al-Quran, al-Sunnah dan ilmu semasa. Dari sudut al-Quran, Allah SWT telah berfirman dalam surah:

..... جَعَلْنَا مِنْكُمْ شِرْعَةً وَمِنْهَا جَأَ.....

Bermaksud: Untuk tiap-tiap umat diantara kamu kami berikan aturan dan jalan yang terang." (al-Ma`idah : 48).

Menurut al-Tabariy (t.t: 384), al-Qurtubiy (t.t: 211) dan selain mereka, minhaj dalam ayat tersebut bermaksud jalan yang terang dan jelas. Al-Alusiy pula menjelaskan, terdapat pendapat yang mengertikan minhaj itu sebagai petunjuk, al-Quran dan perkara-perkara yang berkaitan dengan aqidah atau iktikad. (al-Alusiy, 1960 : 153). Abu Hayyan (1993 : 514) pula menyatakan ada pendapat yang menjelaskan minhaj dengan maksud agama itu sendiri. Manakala menurut pendapat al-Mubarrad, minhaj merujuk kepada maksud jalan yang

berterusan, terang dan jelas (Abu Hayyan 1993 : 514).

Merujuk kepada pendapat-pendapat di atas maka perkataan minhaj dalam konteks ini bermaksud jalan, cara atau metode yang betul, jelas dan terang untuk diikuti secara berterusan di dalam merealisasikan agama ini yang mencakupi aspek aqidah dan syariah. berteraskan konsep ittiba yang akhirnya akan menyampaikan kepada kebenaran atau hak yang mutlak.

Perkataan minhaj juga disebut di dalam al-Sunnah. Dalam hubungan ini Ahmad Ibn Hanbal meriwayatkan dengan sanadnya sehingga sampai kepada Huzayfah Ibn al-Yaman r.a., Rasulullah SAW bersabda,

ثم تكون خلافة على منهاج النبوة .... الحديث

Bermaksud: "...Kemudian akan berlangsung pemerintahan yang berada di atas minhaj (metode, cara, sistem) kenabian....“.

(Ahmad Ibn Hambal,1995: 163, jld.14, no. 18319) dan (al-Albani, 1985 : 8, jld.5, no. 5).

Di dalam hadis di atas, terdapat perkataan yang menyebut Minhaj al-Nubuwwah, jika diteliti maksud hadis tersebut, maka lafaz minhaj di dalam hadis itu merujuk kepada pengertian cara, metode atau sistem. Apabila perkataan minhaj itu disandarkan kepada al-Nubuwwah maka ia membawa maksud metode, kaedah, sistem atau cara yang menepati dengan ajaran kenabian, iaitu ajaran Rasulullah SAW. Maksud ini diperkuatkan lagi melalui sebuah hadis lain yang diriwayatkan oleh Ibn Abi ‘Asim dengan sanadnya sehingga sampai kepada Safinah r.h, Rasulullah SAW bersabda antara lain:

خلافة النبوة ثلاثة سنّة ..... الحديث

Bermaksud:" Khilafah kenabian adalah tiga puluh tahun"

(Abu Bakr ‘Amr ibn Abi ‘Asim, 1985: 548, no.1181)

Dapatlah disimpulkan di sini bahawa maksud minhaj itu adalah merujuk kepada pengertian metode, petunjuk, sistem atau cara yang telah dipraktikkan oleh Rasulullah SAW (al-Ittiba') dalam usaha untuk memelihara agama Allah (Islam) serta mentadbir urusan dunia berteraskan agama. Dalam konteks ilmu moden, minhaj atau disebut juga sebagai metode adalah merujuk kepada satu sistem berkenaan kaedah-kaedah tertentu yang harus diikuti dalam sesuatu disiplin ilmu atau panduan terhadap sesuatu peraturan (<http://www.goldenhome.net.Tools/Webster>).

Kesimpulannya, manhaj atau minhaj dalam perbincangan ini merujuk kepada sistem, kaedah, atau cara yang jelas yang memaparkan konsep-konsep dan prinsip-prinsip dalam memahami al-Quran dan al-Sunnah.

## KEPENTINGAN MANHAJ

Dengan memahami manhaj, ia akan dapat membimbing dan membantu seseorang muslim itu untuk memahami serta menghayati ajaran Islam yang terdiri dari aspek aqidah dan syariah dengan tepat dan benar seperti mana yang dikehendaki oleh Allah dan Rasul-Nya. Dalam masa yang sama ia juga akan dapat memelihara dirinya dari terjerumus ke dalam kefahaman yang menyeleweng yang mempunyai unsur-unsur syirik, kufur dan bida'ah.

Apabila berlakunya kepincangan dan penyelewengan dalam kefahaman dan penghayatan dalam aqidah dan syariah, ia akan membawa kepincangan dan kecelakaan dalam aspek kehidupan dunia dan akhirat.

Kepentingan memahami manhaj ini adalah selari dengan perutusan para nabi dan rasul sepetimana firman Allah SWT:

وَلَقَدْ بَعَثْنَا فِي كُلِّ أُمَّةٍ رَّسُولًا أَنِ اعْبُدُوا اللَّهَ وَاجْتَنِبُوا الظُّلْمُوتَ..... ٣٦

Bermaksud:" Dan sesungguhnya telah kami utuskan rasul pada tiap-tiap umat (untuk menyeru):" Sembahlah Allah dan jauhilah Taghut". (al-Nahl,: ayat 36).

Menurut Nasir Abdul Karim al-Aql (1994 : 7) perkataan "الله اودبعا" "sembahlah kamu akan Allah" menjelaskan konsep tauhid, dalam kata lain membawa maksud meneguh dan memaksikan agama mencakupi aqidah dan syariah dengan cara menyebar dan beramal dengannya. Sementara perkataan "اوتجتوغا اطلا" "jauhilah kamu akan Taghut" pula menjelaskan maksud membebaskan diri dari perkara-perkara syirik, kufur, zalim, fasiq dan bida'ah.

## PENGERTIAN AHLI HADIS

Dalam konteks sejarah pemikiran Islam, Ahli Hadis merujuk kepada golongan yang berpegang kepada kefahaman dan amalan agama yang berbeza dengan Ahli Bida'ah (Ibn Taymiyyah, 1986 : 221, jil.2). Dari satu sudut yang lain Ahli Hadis juga adalah seerti dengan Ahli Sunnah. Dalam hal ini, al-Lalika`iy meriwayatkan dengan sanadnya sehingga sampai kepada Basyir Ibn al-Harith, beliau berkata:

"قال معاذى بن عمران : لا تحمدن رجالا إلا عند الموت إما يموت على السنة أو يموت على البدعة "

Bermaksud:" Mu‘afi Ibn Imran berkata:" Jangan sekali-kali engkau memuji sesiapa melainkan ketika tiba saat kematian samada dia mati di atas sunnah atau atas bid‘ah" (al-Lalika`iy, 1994 : 75, jil.1, no. 62).

Abu al-Qasim al-Asbihaniy menyatakan bahawa Ahli Sunnah Wal Jamaah adalah golongan yang meletakkan al-Qur'an dan al-Sunnah dihadapan mereka sebagai sumber ajaran agama, setiap perkara yang timbul dan yang terdetik dihati serta yang tergambar difikiran akan dinilai terlebih dahulu menurut neraca al-Quran dan al-Sunnah, jika perkara tersebut menepati kedua-

duanya maka mereka menerima, jika sebaliknya maka mereka menolaknya dan kembali berpegang kepada al-Qur'an dan al-Sunnah (al-Asbahaniy, 1990 : 223, jil.2).

Menurut penjelasan Ibn Abi al-'Iz (1987 : 71, jil.1) pula, Ahli Sunnah Wal Jamaah menjadikan al-Quran dan al-Sunnah sebagai kebenaran yang wajib dipegang, manakala landasan yang dilalui oleh Ahli Sunnah Wal Jamaah itu pula tidak menyalahi nas yang sahih, mereka tidak pula menentang nas tersebut dengan akal atau pendapat-pendapat individu tertentu.

Muhammad Nasirudin al-Albani (T.T : 3) pula ketika beliau membincarkan berkaitan dengan pengertian Ahli Sunnah Wal Jamaah menjelaskan adalah tidak memadai dengan hanya menyebut Ahli Sunnah Wal Jamaah itu sebagai golongan yang berpegang kepada al-Quran dan al-Sunnah semata-mata, kerana dakwaan yang sedemikian juga dilaungkan oleh golongan yang bertentangan dengan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Terdapat di sana satu noktah penting yang perlu dijelaskan selain dari berpegang dengan al-Qur'an dan al-Sunnah, iaitu Ahli Sunnah Wal Jamaah juga berpegang teguh dengan ajaran agama yang dibawa oleh para sahabat yang terdiri dari kalangan Muhajirin dan Ansar serta berpegang teguh dengan ajaran para Tabi'in dan Tabi' al-Tabi'in, kesemua mereka adalah golongan yang hidup dalam kurun-kurun yang terbaik yang tidak akan muncul lagi selepas itu. Menurutnya lagi, sesiapa yang ingin menjadi golongan yang berjaya, maka mereka mestilah memastikan bahawa pegangan mereka adalah selari dengan pegangan agama golongan tersebut.

Dari pada penjelasan di atas Ahli Sunnah Wal Jamaah itu adalah golongan para sahabat, Tabi'in, Tabi' al-Tabi'in (al-Salaf al-Soleh) serta golongan selepas mereka yang berpegang teguh dengan konsep agama yang diwariskan oleh generasi al-Salaf al-Soleh berkenaan tanpa melakukan sebarang bid'ah samada dalam aqidah maupun syariah.

## **BERPEGANG TEGUH DENGAN AL-QUR'AN DAN AL-SUNNAH SEBAGAI SUMBER AGAMA**

Manhaj Ahli Hadis yang terpenting adalah berpegang teguh kepada manhaj al-Rasul sewaktu hidupnya dan manhaj para sahabatnya. manhaj tersebut adalah merujuk kepada al-Qur'an yang diturunkan oleh Allah kepada rasul-Nya. Seterusnya Rasul-Nya menerangkan dan menjelaskan kepada sahabat-sahabatnya dalam hadis-hadis yang sahih. Kaum Muslimin dituntut agar berpegang teguh dengan keduanya.

Manhaj di atas bermaksud Ahli Hadis berpegang kepada konsep al-Qur'an dan al-Sunnah itu adalah sumber asasi bagi agama ini yang mencakupi perkara-perkara aqidah dan syariah. Sumber-sumber selain keduanya tidak dapat dijadikan sebagai sumber asasi. Ini disebabkan aqidah dan syariah adalah merupakan ajaran yang diwahyukan oleh Allah kepada baginda Rasulullah SAW.

Di sana timbul satu persoalan iaitu kenapakah al-Qur'an itu layak untuk dijadikan sebagai sumber tetap bagi agama ini? Bagi menjawab persoalan ini, al-Syafie (1979 : 89) sebagai salah seorang tokoh ilmuan Islam yang ulung dalam bidang Usul al-Fiqh menegaskan bahawa Allah s.w.t telah mewajibkan rasul-Nya menurut apa yang telah diwahyukan kepadanya dan sesiapa yang menurut baginda akan pasti mendapat hidayah, dalam hal ini Allah menjelaskan kepada baginda sebagaimana firman-Nya:

اتبع ما أُوحى إليك من ربك لا إله إلا هو وأعرض عن المشركين

Bermaksud:” Ikutilah apa yang telah diwahyukan kepadamu dari tuhanmu, tidak ada Tuhan selain Dia dan berpalinglah dari orang-orang musyrik”. (al-An‘am : 108)

Allah juga berfirman:

ثُمَّ جَعَلْنَاكَ عَلَى شَرِيعَةٍ مِّنَ الْأَمْرِ فَاتَّبِعْهَا وَلَا تَتَّبِعْ أَهْوَاءَ الَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ ۖ ۗ

Bermaksud: “Kemudian kami jadikan kamu berada di atas satu syariat dari urusan (agama) itu, maka ikutilah syariat itu dan janganlah kamu ikuti hawa nafsu orang-orang yang tidak mengetahui”. (al-Jathiyah :18).

Kenyataan al-Syafie di atas menunjukkan bahawa sememangnya al-Qur'an itu layak menjadi sumber agama yang tetap kerana Allah sendiri yang telah memerintahkan supaya mengikuti al-Qur'an. Ini bermakna al-Qur'an itu mestilah dijadikan sebagai pegangan dan panduan dalam beragama. Kenyataan ini diperkuatkan lagi oleh friman-Nya:

وَاتَّبِعُوا أَحْسَنَ مَا أَنْزَلَ إِلَيْكُمْ مِّنْ رَّبِّكُمْ ۖ ۗ

Bermaksud:” Dan ikutlah sebaik-baik apa yang telah diturunkan kepadamu dari Tuhanmu”. (al-Zumar : 55)

Berhubung dengan ayat ini, al-Qurtubiy (t.t : 270) menjelaskan bahawa al-Hasan al-Basri menegaskan, dalam ayat tersebut Allah memerintahkan supaya berpegang teguh dan patuh dengan apa yang diturunkan oleh-Nya dan tidak menolaknya.

Perlu juga dijelaskan disini bahawa apabila al-Qur'an dijadikan sebagai sumber yang tetap bagi agama, secara tidak langsung al-Sunnah juga turut menjadi sumber yang sama bagi agama ini selepas al-Qur'an. Ini disebabkan Allah mewajibkan supaya mentaati rasul-Nya. Dalam hubungan ini al-Syafie (1979 : 79) sekali menegaskan bahawa Allah mewajibkan hambanya mentaati rasul-Nya, di mana suruhan tersebut diiringi dengan ketaatan terhadap-Nya. Lantaran itu jelas beliau, ketaatan terhadap rasul-Nya adalah dikira ketaatan terhadap-Nya, berkaitan perkara ini Allah berfirman:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولَئِكُمْ مِنْكُمْ قَرُدُوهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ  
إِنْ كُنْتُمْ ثُوَّمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ ذَلِكَ حَيْرٌ وَأَحْسَنُ ثَوْبًا ۚ ۗ

Bermaksud: “Wahai orang-orang yang beriman taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada rasulNya dan Ulil amri dari kalangan kamu” (al-Nisa` : 59)

Penjelasan di atas membuktikan bahawa sememangnya al-Qur'an dan al-Sunnah itu layak dan sesuai menjadi sumber yang tetap bagi agama Islam. Ini disebabkan ia adalah merupakan pengistiharan yang jelas dan tegas dari Allah SWT sebagai pensyariat. Al-Qur'an dan al-Sunnah memberi petunjuk kepada manusia serta menjelaskan segala keperluan dan hajat mereka di dunia dan akhirat. Al-Qur'an dan al-Sunnah juga menerangkan kaedah-kaedah umum yang sempurna dan menyeluruh yang dapat dijadikan panduan dan landasan bagi memahami perkara-perkara agama secara komprehensif dan holistik. Dalam hal ini Ibn Taymiyyah (T.T : 206, jil. 34) menegaskan bahawa terdapat dalam al-Qur'an dan al-Sunnah itu kalimah-kalimah yang sempurna dan menyeluruh (Kalimaat Jami'at) yang merupakan sebagai kaedah-kaedah umum dan dasar-dasar yang menyeluruh.

Antara prinsip-prinsip penting yang terkandung dalam konsep di atas adalah:

- i. Al-Qur'an dan Al-Sunnah Bersifat Jawami' al-Kalim

Prinsip ini berdasarkan hadis yang diriwayatkan oleh al-Bukhari dengan sanadnya sehingga sampai kepada Abu Hurairah r.h, Rasulullah SAW bersabda:

بَعْثَتْ بِجَوَامِعِ الْكَلَمِ

Bermaksud:" Aku diutuskan bersama-sama Jawami' al-Kalim"

(Ibn Hajar al-'Asqalaniy, 1986 : 261, jil.13, no. 7273).

Hadis di atas menjelaskan bahawa Rasulullah SAW diutuskan dengan Jawami' al-Kalim. Menurut Ibn Hajar, Jawami' al-Kalim merujuk kepada maksud perkataan yang ringkas dan sedikit tetapi mengandungi pengertian yang luas dan mendalam, ia adalah merujuk kepada al-Qur'an dan al-Sunnah (Ibn Hajar al-'Asqalaniy, 1986 : 263). Al-Bukhari meletakkan hadis tersebut dalam kitab al-I'tisam dan merupakan hadis yang pertama. Ini seolah-olah beliau ingin memberi gambaran bahawa al-Quran dan al-Sunnah itu bersifat demikian.

Dalam hubungan ini, perkara-perkara aqidah dan syariah yang dijelaskan dalam al-Quran dan al-Sunnah adalah berasaskan prinsip di atas. Oleh kerana itulah maka ajaran agama ini dapat difahami dengan jelas dan tepat. Perkara-perkara agama diungkapkan dengan ayat yang ringkas tetapi mempunyai makna dan pengertian yang luas lagi mendalam. Dari sudut yang lain Jawami' al-Kalim juga bermakna al-Qur'an dan al-Sunnah mengemukakan kebenaran dan hak serta berupaya menghapuskan kebatilan sehingga ke akar umbinya. Dalam hubungan ini Allah SWT berfirman:

إِنَّهُ لَقَوْلٌ فَصْلٌ ۝ وَمَا هُوَ بِالْمُهَرِّلِ ۝

Bermaksud: "Sesungguhnya al-Qur'an benar-benar perkataan yang memisahkan (antara yang hak dan batil), dan bukanlah al-Qur'an itu senda gurau".(al-Tariq : 13-14).

Menurut Ibn Jarir (t.t : 149, jil.30), ayat tersebut menjelaskan bahawa al-Qur'an itu mengemukakan ajaran yang dapat membezakan antara yang hak dan yang batil.

## ii. Al-Qur'an dan Al-Sunnah Menghasilkan Ilmu dan Amalan

Al-Qur'an dan al-Sunnah merupakan sumber ilmu dan amalan yang hak mencakupi dalam perkara-perkara aqidah dan syariah. Berasaskan prinsip ini, agama Islam didirikan atas dua asas utama, iaitu:

- a. Melaksanakan ibadat hanya untuk Allah SWT semata-mata tanpa mensyirikan-Nya dengan sesuatu.
- b. Ibadat dilaksanakan menurut cara yang disyariatkan (Ibn Taymiyyah, T.T: 80, jil. 1).

Asas yang pertama terkandung di dalam firman Allah SWT:

فَاعْلَمُ أَنَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاسْتَغْفِرْ لِذَنْبِكَ وَلِلْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مُتَقْلِبَكُمْ وَمَشْوِلَكُمْ ۖ<sup>١٩</sup>

Bermaksud: “Maka ketahuilah bahawa sesungguhnya tiada Tuhan (yang Haq) melainkan Allah.” (Muhammad : 19).

Berasaskan ayat di atas, al-Bukhari telah meletakkan satu bab dari kitab al-'Ilm yang bertajuk (العلم قبل القول والعمل)(Maka berilmulah sebelum berkata dan beramal)” (Ibn Hajar al-'Asqalaniy, 1986: 192, jil.1).

Menurut Ibn Munayyir, bab yang dikemukakan di atas menjelaskan bahawa ilmu adalah merupakan syarat sah bagi perkataan dan amalan, dimana kedua-duanya tidak dikira sah melainkan berdasarkan ilmu, maka dengan sebab itulah ilmu itu di dahulukan, kerana ilmu dapat membetulkan niat (Ibn Hajar al-'Asqalaniy, 1986: 193, jil.1).

Kenyataan Ibn Munayyir di atas membuktikan kepentingan ilmu berkenaan Allah (Tauhid), apabila wujud ilmu tentang Allah maka niat dalam perlaksanaan ibadat dapat dibetulkan dengan hanya ditujukan bagi Allah dalam segala jenis ibadat tanpa mensyirikan-Nya.

Asas yang kedua pula adalah merujuk kepada sebuah hadis yang diriwayatkan oleh al-Bukhari dengan sanadnya sehingga sampai kepada 'Aisyah r.ha, Rasulullah SAW bersabda:

من أحدث في أمرين ما ليس فيه فهو رد

Bermaksud:” Sesiapa yang melakukan sesuatu perkara dalam urusan yang bukan darinya maka ia adalah tertolak”

(Ibn Hajar al-'Asqalaniy, 1986: 355, jil.5, no.2697).

Berhubung hadis di atas, Ibn Hajar (Ibn Hajar al-'Asqalaniy, 1986 : 357, jil.5, no.2697) menjelaskan bahawa seseorang itu hendaklah menjauhkan dirinya dari beramal dengan amalan

dalam agama yang tidak mempunyai asal (iaitu dalil). Hadith ini juga merupakan dasar utama dalam menentukan kesahihan atau kebatilan sesuatu hukum syara'.

### iii. Al-Qur'an dan Al-Sunnah Bersifat Tetap dan Sempurna

Prinsip ini menjelaskan bahawa al-Qur'an dan al-Sunnah itu adalah bersifat tetap (thabat) dan juga sempurna (syumul). Dalam hal ini secara prinsipnya al-Qur'an dan al-Sunnah itu bersifat benar, membawa kebenaran dan tidak berubah dalam apa jua keadaannya. Dalam hubungan Ibn al-Qayyim (T.T : 177, jil.1) menjelaskan bahawa perkataan tetap (thabat) itu adalah perkataan yang hak dan yang benar, ia adalah lawan kepada perkataan yang batil dan dusta.

Dalam hubungan ini, pengertian tetap (thabat) yang dikehendaki adalah wahyu yang datang yang tidak dimansuhkan maka ia adalah tetap dan menjadi hujah hingga ke hari kiamat tanpa mengalami sebarang perubahan. Dalam konteks ini juga perkara-perkara aqidah tidak dimansuhkan sama sekali, sebaliknya hanya perkara-perkara yang tertentu bersangkutan syariat sahaja dalam masalah-masalah tertentu yang dimansuhkan. Sifat tetap ini disebut oleh Allah SWT dalam firman-Nya:

وَتَمَّتْ كَلِمَتُ رَبِّكَ صِدْقًا وَعَدْلًا لَا مُبَدِّلَ لِكَلِمَتِهِ وَهُوَ الْسَّمِيعُ الْعَلِيمُ<sup>١٥</sup>

Bermaksud: "Telah sempurnalah kalimat Tuhanmu (al-Qur'an) sebagai kalimat yang benar dan adil. Tidak ada yang dapat merubah-rubah kalimat-kalimatNya dan Dialah yang Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui." (al-'An'am : 115).

Berkaitan dengan ayat ini, Ibn Kathir (1981: 269, jil.2) menjelaskan bahawa Qatadah menyatakan yang dimaksudkan dengan pengertian benar dan adil dalam ayat tersebut adalah merujuk kepada benar dalam perkataan-Nya dan adil dalam hukum-Nya. Jelasnya lagi, semua perkara yang disebut oleh Allah itu adalah benar tanpa sebarang keraguan, sementara segala perkara yang diperintahkan-Nya pula adalah paling adil, manakala setiap perkara yang dilarang itu pula adalah batil dan merosakkan. Selain itu juga jelasnya, tidak ada sesiapa pun yang dapat mengubah hukum-Nya sama ada di dunia ataupun di akhirat.

Dalam konteks perbincangan ini, dalil-dalil al-Qur'an dan al-Sunnah yang bersangkutan dengan perkara aqidah dan syariat adalah bersifat tetap (thabat). Ini bermakna aqidah dan syariat itu itu sendiri akan berkekalan serta terpelihara dari sebarang perubahan sebagaimana yang diturunkan oleh Allah SWT.

Selain bersifat tetap (thabat), al-Qur'an dan al-Sunnah juga bersifat sempurna dan menyeluruh (syumul). Pengertian sempurna dan menyeluruh (syumul) yang dikehendaki adalah al-Qur'an dan al-Sunnah itu mengandungi ajaran yang lengkap serta dapat memenuhi segala keperluan yang dihajatkan oleh manusia dan tuntutan semasa sepanjang zaman yang terangkum dalam aqidah dan syariat itu sendiri. Pengertian ini terkandung dalam firman Allah SWT:

..... قُلْ أَلْيَوْمَ يَسِّئَ الَّذِينَ كَفَرُوا مِنْ دِينِكُمْ فَلَا تَخْشُوْهُمْ وَأَخْشَوْنَ أَلْيَوْمَ أَكْمَلُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَتْمَمْتُ

عَلَيْكُمْ نِعْمَتِي وَرَضِيَتْ لَكُمُ الْإِسْلَامُ دِينًا.....

Bermaksud:" Pada hari ini telah Aku sempurnakan bagi kamu agamamu dan telah Aku cukupkan nikmatku ke atasmu dan Aku redha Islam sebagai agamamu". (al-Ma'idah : ayat 3).

Berasaskan kenyataan di atas jelas menunjukkan bahawa al-Qur'an dan al-Sunnah itu bersifat tetap (thabat) dan sempurna (syumul). Ia diturunkan oleh Allah sebagai ajaran yang membawa petunjuk yang mengandungi dasar-dasar, amalan-amalan serta nilai-nilai yang sempurna yang diperlukan oleh manusia. Sifatnya yang sempurna juga tidak lagi berhajatkan kepada sebarang penambahan dari sesiapa.

Berdasarkan perbincangan konsep di atas menunjukkan bahawa al-Qur'an dan al-Sunnah itu merupakan sumber tetap bagi agama Islam. Konsep ini merupakan manhaj yang perlu menjadi pegangan setiap muslim. Dengan berpegang kepada manhaj ini maka ajaran aqidah dan syariah akan dapat difahami dan dihayati benar dan tepat seperti mana yang dikehendaki oleh Allah SWT dan Rasul-Nya SAW.

## KESIMPULAN

Perbincangan di atas menunjukkan bahawa al-Quran dan al-Hadis merupakan dua sumber yang bersifat tetap (thabat) dan sempurna (syumul). Ia diturunkan oleh Allah sebagai ajaran yang membawa hidayah petunjuk yang merangkumi dan mencakupi segala aspek serta nilai-nilai yang sempurna yang diperlukan oleh manusia. Konsep ini merupakan manhaj yang perlu menjadi pegangan setiap muslim. Oleh kerana itu, adalah amat penting kepada kaum muslimin untuk memahami al-Quran dan al-Hadis secara keseluruhannya serta berpegang dengan keduanya sebagaimana yang dipelopori oleh golongan al-salaf al-soleh mengikut metode kefahaman Ahli Hadis bagi menjamin mereka memperolehi kefahaman yang benar terhadap agama ini. Ahli Hadis adalah golongan yang paling mengetahui berkaitan sunnah Rasulullah SAW yang mencakupi aspek akidah dan syariah. Al-Quran dan al-Sunnah adalah dua sumber utama ajaran Islam yang dijamin terpelihara oleh Allah SWT dari sebarang penyelewengan sepanjang zaman. Jawami' al-Kalim yang merupakan sifat bagi kedua sumber tersebut menunjukkan ia adalah wahyu dan sebagai mukjizat ilmiy yang tiada tolok bandingnya.

## RUJUKAN

- \_\_\_\_ (1985). Silsilat al-'Ahaadiith al-Sahihaat Beirut: al-Maktab al-Islamiy.
- \_\_\_\_ (1986). Minhaj al-Sunnat al-Nabawiyyat. Edit Semula Oleh Mu.hammad Rasyad Salim. T.tp: Dar al-Kitab al-Islamiy. Internet:<http://www.goldenhome.net.Tools/Webster>
- Abu Hayyan, Muhammad Ibn Y-usuf (1993). Tafsir al-Bahr al-Muhiit. Edit Semula Oleh 'Adil Ahmad 'Abd al-Mawjud dan 'Aliy Muhammad Mu'rd. T.tp: T.np.
- Al-'Aql, Nasir 'Abd al-Karim (1994). Manhaj Ahl al-Ahwaa' wa al-Iftiraq wa al-Bida'. Riyad: Dar al-Watan.
- Al-Albaaniy, Muhammad Nasiruddin (T.T). Muhadarat f-i al-Da'wat al-Salafiyyat. T.tp: T.np.
- Al-Alusiy, Abu al-Fadl Syihabuddin al-Sayyid Mahmud (1960) Ruuh al-Ma'aaniy f-i Tafsir al-Qur'an al-'Aziim wa al-Sab'i al-Mathaniy. T.tp: T.np.
- Al-Asbahaniy, Abu al-Qasim Isma'il Ibn Muhammad al-Fa.dl al-Tamimi (1990). Al-Hujjat

- f-i Bayan al-Mahajjat. Edit Semula Oleh Muhammad Ibn Mahmud dan Mu.hammad Ibn Rabi ‘ al-Madkhaliy. Riyad: Dar al-Rayat  
 Al-Lalika’iy, Abu al-Qasim Hibbatullah Ibn al-Hasan Ibn Mansur al-Tabariy (1994).  
 Syarh Usul  
 Al-Mubarakfuriy, Mu.hammad ‘Abd al-Rahman Ibn ‘Abd al-Rahim (1353 H). Tuhat al-Ahwadhiy bi Syarh Jami‘ al-Tirmidziy. Beirut: Dar al-Fikr.  
 Al-Qur’an (1415H). Al-Qur’an dan Terjemahannya. Madinah: Percetakan al-Malik Fahd.  
 Al-Qurtubiy, Abu ‘Abdillah Muhammad al-Ansariy (T.T). Al-Jami‘ li Ahkam al-Qur’an.  
 T.tp: T.np.  
 Al-Syafi’iy, Mu.hammad Ibn Idris(1979). Al-Risalat. Edit Semula Oleh Ahmad Muhammad Syakir.Kaherah: Maktabat Dar al-Turath.  
 Al-Tabariy, Abu Ja‘far Muhammad Ibn Jarir (T.T). Jami‘ al-Bayan ‘An Ta’wil Aiyyi al-Qur’an Mesir: Dar al-Ma‘arif.  
 Hanbal, Ahmad (1995). Musnad al-Imam Ahmad Ibn Hanbal. Edit Semula Oleh Ahmad Muhammad Syakir dan Rakan. Kaherah: Dar al-Hadis  
 Ibn Taymiyyat, Abu al-‘Abbas Taqiy al-Din A.hmad Ibn ‘Abd al-Halim (T.T). Majmu‘ Fatawa. Kaherah: Maktabat Ibn Taymiyyat.  
 Ibn .Hajar al-‘Asqalaniy, Ahmad Ibn ‘Aliy (1986). Fath al-Bariy bi Syarh .Sahih al-Bukhariy. Kaherah: Dar al-Diyan li al-Turath.  
 Ibn Ab-i ‘Asim, Abu Bakr ‘Amr (1985). Kitab Al-Sunnat. Edit Semula Oleh Muhammad Nasir al-Din Beirut: Al-Maktab al-Islamiy.  
 Ibn Abi al-‘Iz, ‘Aliy Ibn ‘Aliy (1987). Syarh al-‘Aqidat al-Tahawiyyat. Edit Semula Oleh ‘Abdullah Ibn ‘Abd al-Mu.hsin al-Turk-iy dan Rakan. Beirut: Muassasat al-Risalat.  
 Ibn Kathir, Isma‘il Ibn ‘Umar (1981). Tafsir al-Qur’an al-‘Azim. Beirut: Dar al-Fikr.  
 Ibn Manzur, Jamal al-Din Muhammad Ibn Mukarram (1964). Lisan al-‘Arab. Mesir: al-Dar al- Misriyyat Li al-Ta’lif Wa al-Tarjumat.  
 Ibn Qayyim,(T.T).‘Ilam al-Muwaqq’in ‘An Rab al-‘Alamin. Edit Semulaoleh Taha ‘Abd al- Ra’uf . Beirut: Dar al-Jayl  
 Ik‘tiqad Ahl al-Sunnat wa al-Jam-a‘at. Edit Semula Oleh Ahmad Sa‘ad Hamdan al- Ghamidiy. Riyad: Dar Tayyibat.  
 Ismail Omar (1999). Manhaj AqidahAhli al-Sunnah Wal Jamaah. Kuala Lumpur:  
 Acces Infotech.